

Untuk Siaran Segera
30 September 2022

ASM 3 ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN BERJUMLAH RM573.66 JUTA

Kadar pengagihan pendapatan sebanyak 3.75 sen seunit

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2022.
- ASM 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM573.66 juta yang memanfaatkan 551,685 pemegang unit yang memegang sebanyak 15.30 bilion unit. Setakat 22 September 2022, ASM 3 mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM575.87 juta.
- Pengagihan pendapatan sebanyak 3.75 sen seunit mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada 2.02% sebanyak 173 mata asas bagi tempoh tahun kewangan setakat 22 September 2022.

Kuala Lumpur, 30 September 2022: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2022.

ASM 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM573.66 juta, yang akan memanfaatkan 551,685 pemegang unit yang memiliki 15.30 bilion unit. Secara keseluruhannya, dana ini merekodkan pendapatan kasar berjumlah RM757.81 juta dan RM575.87 juta pendapatan bersih direalisasi di sebalik kebimbangan kemelesetan dan gangguan rantai bekalan global yang menjejaskan prestasi pasaran global.

Pendapatan untuk ASM 3 diperoleh daripada hasil keuntungan yang direalisasi, dividen serta lain-lain pendapatan daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. Strategi kepelbagaian yang dilaksanakan oleh dana ini terus menunjukkan hasil yang positif dengan ekuiti antarabangsa menyumbang 40.9% kepada pendapatan kasar keseluruhan dana.

Pengagihan pendapatan ASM 3 adalah bersamaan dengan jumlah pulangan sebanyak 3.75%, mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12 Bulan Maybank pada 2.02% iaitu sebanyak 173 mata asas bagi tahun kewangan setakat 22 September 2022. Dalam tempoh yang sama, FTSE Bursa Malaysia KLCI susut sebanyak 6.41%, daripada 1,537.80 mata pada penutup 30 September 2021 kepada 1,439.16 mata pada 22 September 2022 apabila indeks mula mencatatkan aliran keluar pelaburan asing walaupun situasi pandemik COVID-19 semakin bertambah baik.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 3 adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 3 akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Oktober 2022.

Urus niaga ASM 3 di semua cawangan dan ejen ASNB, termasuk semua platform digital dan perbankan internet, telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 22 hingga 30 September 2022. Pemegang unit boleh melakukan semula urus niaga di portal myASNB (www.myasnb.com.my), atau melalui aplikasi mudah alih myASNB pada 1 Oktober 2022, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara bermula 2 Oktober 2022.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)

ASM 3 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang, yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, dan juga yang ingin mendapatkan pulangan dari pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2022

DANA HARGA TETAP



ASM 3

KADAR PENGAGIHAN

3.75
sen seunit

JUMLAH PENGAGIHAN

RM 573.66
JUTA


Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2022

DANA HARGA TETAP

Mengatasi Penanda Aras
Sebanyak 173 mata asas



Nota:

¹ Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 22 September 2022

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.